



ORANG ramai membantu menolak sebuah kereta yang dimasuki air di Teluk Bahang.



KEADAAN banjir kilat yang melanda beberapa kawasan perkampungan di Teluk Bahang semalam.



BEBERAPA orang penduduk membantu membawa kanak-kanak mangsa banjir kilat ke kawasan selamat.

Hujan lebat lima jam, lebih 200 rumah terjejas


# Teluk Bahang dilanda banjir kilat

Oleh NOOR HASLIZA NUSI dan AFANDI CHE MUHAMAD

**BALIK PULAU** – Lebih 200 buah rumah penduduk di Kampung Nelayan, Mukim 1 dan Teluk Awak di Teluk Bahang di sini terjejas selepas perkampungan terbabit dilanda banjir kilat dalam kejadian hujan lebat selama lima jam mulai tengah hari semalam.

Kesemua penduduk yang terlibat bagaimanapun dilaporkan selamat selepas air mula naik ke kawasan perkampungan masing-masing sejak pukul 12 tengah hari sehingga pukul 5 petang.

Pengerusi Jawatan kuasa Kampung Teluk Bahang, Zainudin Yusoff, 54, berkata, kejadian



ZAINUDIN

itu berlaku sebaik dia selesai menunaikan solat Zuhur di sebuah masjid berhampiran.

“Sebaik saya dan jemaah lain keluar dari pekarangan surau itu, kami lihat air mula mengalir turun dari bukit yang terletak berhampiran Taman Negara dan Empangan Teluk Bahang di sini sebelum memasuki ke kawasan kediaman penduduk kampung. Jarak kedua-dua lokasi berkenaan terletak kira-kira enam kilometer dari kampung ini.

“Banjir kilat kemudiannya mula berlaku sehinggalah ke pekarangan flat berhampiran. Rumah penduduk yang berada di aras bawah turut dimasuki air termasuk kedai dan rumah kampung. Kejadian banjir turut me-



NORBAGEM Nor Mohamad (kiri) menyuap makanan kepada cucunya dalam keadaan rumah mereka dimasuki air ketika tinjauan di Teluk Bahang semalam.

nenggelamkan beberapa buah kereta dan motosikal yang diletakkan dipersimpangan jalan utama,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di lokasi kejadian di sini.

Menurut Zainudin lagi, kejadian banjir kilat itu bukan per-

tama kali sebaliknya merupakan tragedi ketiga sejak tahun 2012.

**Sementara itu,** Ketua Balai Bomba Teluk Bahang, Zulkifli Manap pula memberitahu, banjir kilat yang berlaku di ketiga-tiga kampung berkenaan berpun-

ca daripada hujan lebat sejak malam kelmarin dan kejadian air laut pasang.

Katanya, pihaknya menerima panggilan daripada orang awam berhubung kejadian berlaku kira-kira pukul 2.31 petang semalam dan tiba ditempat kejadian kurang 10 minit kemudian.

“Kejadian itu dilaporkan berpunca daripada hujan lebat dan air laut pasang selain tidak menolak kemungkinan faktor sistem perparitan yang kurang di sekitar kawasan ini,” ujarnya kepada *Kosmo!*

Dalam pada itu, beliau berkata, dalam operasi tersebut, pihaknya berjaya memindahkan seorang warga emas ke pusat perpindahan awal banjir yang terletak di Dewan Serbaguna Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) petang semalam.